



17 JUL, 2024

Guna elektrik tanpa bayar



Sinar Harian, Malaysia



Fisol (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian mesin bitcoin yang dirampas melalui Ops Letrik pada Khamis lepas.

Guna elektrik tanpa bayar

Polis Kedah rampas 564 mesin bitcoin dalam Ops Letrik

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID ALOR SETAR

Sebanyak 564 mesin bitcoin dirampas dalam serbuan di 14 premis sekitar daerah Kota Setar di sini, pada Khamis lepas.

Ketua Polis Kedah, Datuk Fisol Salleh berkata, serbuan menerusi Ops Letrik dilakukan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar bersama Team Seal Tenaga Nasional Berhad (TNB) Zon Utara.

Beliau berkata, serbuan itu dilakukan ke atas premis yang menjalankan aktiviti mencuri arus elektrik untuk menjalankan kegiatan melombong mata wang digital, bitcoin di kawasan Kota Setar.

"Hasil serbuan, polis menahan tiga lelaki warga tempatan.

"Hasil semakan turut mendapati dua individu yang ditahan mempunyai rekod jenayah," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di IPD Kota Setar, di sini, pada Selasa.



Kegiatan mencuri elektrik untuk menjalankan aktiviti melombong bitcoin akan menyebabkan gangguan bekalan dikawasan tertentu.



Beliau memaklumkan, ketiga-tiga individu terbabit didapati negatif dadah melalui ujian saringan air kencing dijalankan ke atas mereka.

Tambahnya, siasatan mendapati kegiatan mencuri elektrik untuk menjalankan kegiatan melombong bitcoin telah berjalan selama beberapa bulan.

"Pihak polis ada menerima makluman daripada orang awam bahawa kawasan perumahan atau tempat tertentu mengalami gangguan bekalan elektrik disyaki akibat perbuatan tersebut.

"Pihak terbabit disyaki menggunakan modus operandi dengan memilih lokasi kurang perhatian dan memudahkan mereka menjalankan kegiatan melombong bitcoin yang beroperasi selama 24 jam," katanya.

Sehubungan itu, Fisol berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan dan Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik.

Beliau menjelaskan, kesalahan di bawah seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara

INFO BITCOIN

- Bitcoin merupakan satu bentuk mata wang digital dan ia dicipta serta digunakan secara elektronik.
- Bitcoin tidak dicetak seperti Dolar, Euro atau Ringgit Malaysia.
- Yang lebih utama adalah tiada siapa yang mengawalinya.
- Kaedah perlombongan bitcoin menggunakan perkakasan komputer seperti pemproses, unit pemproses grafik dan beberapa keperluan lain yang digabungkan dan menjadi satu mesin perlombongan.
- Setiap mesin memerlukan aliran elektrik yang tinggi dan kebanyakan 'perlombong' akan menggunakan kaedah menempu meter elektrik untuk menipu bacaan asal kepenggunaan utiliti berkenaan.

tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya.

"Jika sabit kesalahan di bawah Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik, hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Haaa..nak bagi tahu, ada sesuatu yang **MENARIK** menanti anda **Julai ini!**

